



Program Pemerkasaan Pendidikan Cemerlang Negeri Perlis

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) melangkah setapak lagi dalam merencana dan merealisasikan khidmat komuniti melalui Program Pemerkasaan Pendidikan Cemerlang Negeri Perlis. Bermula daripada cetusan idea Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang ingin melihat asas kecemerlangan dalam bidang pendidikan diasah dari peringkat sekolah lagi, UniMAP dengan kerjasama pihak kementerian telah merangka satu 'grand design' bagi pelaksanaan program ini.

Menurut Sekretariat Program ini, konsep bagi program adalah mewujudkan satu sistem mentor dalam menjaga dan memelihara kebajikan para pelajar cemerlang yang mempunyai potensi tinggi dalam pelajaran. Pemilihan pelajar adalah di kalangan pelajar cemerlang daripada sekolah-sekolah menengah seluruh negeri Perlis. Sebagai permulaan, setiap sekolah dikehendaki mencadang antara 7-20 orang pelajar tingkatan tiga (3) dan perkembangan akademik mereka akan dipantau sehingga para pelajar ini menduduki peperiksaan PMR 2009. Sebaik sahaja keputusan PMR diperolehi, para pelajar ini akan dinilai dan dibantu sehingga menduduki peperiksaan SPM. Setiap sekolah juga perlu mencalonkan 10 orang pelajar tingkatan lima (5) yang akan menduduki peperiksaan SPM 2009 untuk megikuti program ini. Bagi pelajar-pelajar ini yang cemerlang di dalam keputusan SPM, kemudahan untuk ke IPT akan diberi keistimewaan. Ringkasnya, satu kumpulan akan diwujudkan bagi memantau perkembangan akademik para pelajar terpilih sehingga mereka berjaya memasuki menara gading dan keluar dengan segulung ijazah. Kumpulan pelajar ini akan diberi keistimewaan dan kemudahan seperti pemilihan universiti, tajaan dan biasiswa, serta lain-lain yang akan membantu mereka meneruskan pengajian.

Di peringkat pelaksanaan, UniMAP melalui sekretariat yang dilantik bagi program ini telah bekerjasama dengan Majlis Guru Cemerlang, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis untuk membangunkan satu modul aktiviti iaitu Program Didik Cemerlang untuk pelajar yang akan menduduki PMR dan SPM pada tahun ini. Modul adalah tertumpu kepada subjek Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris. Pembangunan modul ini akan dibantu oleh tenaga pengajar yang terdiri daripada Guru Bahasa dan Pensyarah daripada UniMAP.

Semua modul ini dibangunkan mengikut kurikulum dan format peperiksaan serta ditambah dengan teknik menguasai subjek-subjek kritis. Modul yang dibangunkan akan diterapkan dahulu kepada semua Sahabat IPT yang terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP yang terpilih berdasarkan pencapaian akademik mereka yang cemerlang. Mereka akan turut serta dalam melaksanakan modul-modul tersebut kepada pelajar-pelajar sekolah yang terpilih dan dibantu oleh Guru-Guru Cemerlang dan juga tenaga pengajar dari UniMAP.

Program ini akan dijalankan dua kali sebulan bermula bulan Mac hingga September 2009. Perjumpaan akan diadakan pada hari selasa, minggu kedua dan keempat pada setiap bulan-bulan tersebut.

Majlis Pelancaran Program Pemerkasaan Pendidikan Pelajar Cemerlang Negeri Perlis ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md. Isa b. Sabu pada 17 Februari 2009 di Dewan 2020, Kangar, Perlis. Turut hadir ialah Y.B. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti,

“ Semua modul ini dibangunkan mengikut kurikulum dan format peperiksaan serta ditambah dengan teknik menguasai subjek-subjek kritis . Modul yang dibangunkan akan diterapkan dahulu kepada semua Sahabat IPT yang terdiri daripada pelajar-pelajar UniMAP yang terpilih berdasarkan pencapaian akademik mereka yang cemerlang.”

Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Zainul Ariff Hj. Hussain dan Y.Bhg. Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Y.Bhg. Naib Canselor dalam ucapan aluannya berharap agar hasrat untuk melahirkan '1 Rumah 1 Profesional' di dalam setiap keluarga akan dapat direalisasikan melalui program ini. Beliau turut mengucapkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Kerajaan Negeri Perlis yang telah memberikan sokongan padu dalam memastikan program ini dilaksanakan.

Di dalam majlis yang sama UniMAP turut menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Majlis Guru Cemerlang, Jabatan Pelajaran Negeri Perlis sebagai tanda kerjasama untuk melaksana dan memastikan kejayaan program ini. Sumber : Unit Kajian Strategik, Jabatan Canselor



GRAND DESIGN PEMERKASAAN PENDIDIKAN PELAJAR CEMERLANG

'1 RUMAH 1 PROFESIONAL'

PELAJAR CEMERLANG NEGERI PERLIS

